



MAKLUMAT MENGENAI PIIACUF 2015

1. TARIKH, MASA, TEMPAT

29 NOVEMBER 2015 – 1 OKTOBER 2015, 9.00 pagi – 11.00 malam,
Dataran Putrajaya dan Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3,
Putrajaya

2. TEMA

“KHAZANAH JALAN SUTERA DAN LALUAN REMPAH”

3. LATAR BELAKANG PIIACUF

Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa Putrajaya (PIIACUF) telah dianjurkan pada tahun 2013 dan 2014. Festival ini telah bertujuan memposisikan Putrajaya sebagai pusat kegemilangan kesenian dan kebudayaan Islam alaf baharu di peringkat antarabangsa.

4. OBJEKTIF

- a. Membangunkan dan menjenamakan Putrajaya sebagai pusat kegemilangan kesenian dan kebudayaan Islam alaf baharu di peringkat antarabangsa.
- b. Menyokong Kerajaan dalam meningkatkan pendapatan negara dalam sektor pelancongan dan perniagaan;
- c. Pendedahan dan menyediakan platform di peringkat antarabangsa kepada warga Malaysia khususnya belia menyemai cita-cita, bakat dan pemikiran mereka ke arah kesenian dan kebudayaan Islam.

5. ANJURAN DAN KERJASAMA

Festival ini dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Tourism Malaysia, Jabatan Muzium, Balai Seni Visual Negara, Yayasan Restu, Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA), Persatuan Seni Khat Kebangsaan, Datuk Radzuan Radziwill dan Sinergi Ilmu.

6. NEGARA LUAR DAN NEGERI YANG TERLIBAT

Turki, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Uzbekistan, Kuwait, Algeria, Indonesia, Iran, China, Tunisia, Malaysia diwakili Islamic Tourism Centre, negeri Kelantan dan Johor.

7. PAMERAN

Pameran Hameyn

Pameran ini memaparkan koleksi fotografi kota suci Mekah dan Madinah semasa zaman Uthmaniah dibawa khas oleh Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA) di bawah naungan Organisation of Islamic Cooperation (OIC).

Pameran Kaligrafi,

20 plate kaligrafi dari pemenang-pemenang pertandingan khat yang dianjurkan oleh IRCICA juga dibawa khas oleh IRCICA

Pameran Musyaf Al-Quran oleh Yayasan Restu

Membawa masyarakat mengenali sejarah hasil karya agung Malaysia dan ragam khazanah budaya bangsa dari dulu hingga kini. Al-Quran Mushaf Malaysia merupakan usaha bersejarah segelintir rakyat Malaysia menghasilkan manuskrip Al-Quran salinan tangan berhias penuh pertama negara sejak kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka. Diantara koleksi yang dipamerkan diiluminasi dengan emas tulin. Perkembangan ini membawa kepada kejayaan Malaysia sebagai pengeluar mushaf Al-Quran kedua

terbesar selepas Kompleks Percetakan Al-Quran Madinah AlFayd apabila Kompleks Nasyrul Quran didirikan di Putrajaya pada 2016.

Pameran Keris

Pameran koleksi keris Nusantara yang memaparkan pelbagai bentuk keris

8. PAVILION ANTARABANGSA

Pameran, demonstrasi kesenian dan jualan dari negara-negara antarabangsa

9. AKTIVITI –AKTIVITI LAIN

Pertunjukan Fesyen Antarabangsa

Kerjasama diantara Perbadanan Putrajaya dan Datuk Radzuan Radziwill sebagai platform bagi pereka fesyen tempatan mempamerkan koleksi fesyen Islam seperti yang diadun dari batik dan songket. Program demonstrasi pemakaian dan ilmiah juga diadakan oleh pereka-pereka fesyen dalam dan luar negara. Selain pereka tempatan, pereka dari negara Indonesia, Kazakhstan dan Kyrgyzstan.

Demo Kaligrafi

Demo kaligrafi ini akan dibawa oleh Persatuan Seni Khat Kebangsaan

Persembahan Kebudayaan

Persembahan Kebudayaan ini akan melibatkan 5 negara luar dan 1 negeri iaitu Kuwait, Kazakhstan, Kyrgystan, Turkey, Tunisia dan Kelantan. Antara persembahan kebudayaan yang akan dipersembahkan adalah Nahawand Female Orchestra Band dari Tunisia dan Dikir Barat dari Kelantan.

Special Talk

Special Talk ini dibawa oleh Dr. Halit Eren, Director General IRCICA tajuk "The Art In Islamic Civilisation"

Zon Aulad

Zon Kanak-kanak yang dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti pembelajaran

Souq

Antara kategori perniagaan ialah Produk Makanan Kering, Fesyen Busana Muslim, Kraf dan Cenderamata.

Tulisan Khat sepanjang 1 kilometer

Biro Agama UMNO Bahagian Putrajaya telah bekerjasama dengan Gajir Calligraphy dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya berharap dapat memasuki "Malaysian Book of Records" dalam menyediakan "Tulisan khat sepanjang 1 kilometer" dan dipamerkan semasa PIIACUF dihadapan Dewan Persidangan Perbadanan Putrajaya.

10. EXPO BUKU ISLAM ANTARABANGSA MALASYIA

Ekspo Buku Islam Antarabangsa ini akan berlangsung di sekitar Dewan Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya dengan kekuatan 110 buah gerai pameran dengan penyertaan lebih 60 penerbit dari dalam dan luar negara. Ekspo ini akan dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam setiap hari dan masuk adalah percuma. Antara penerbit luar negara yang akan menyertai Ekspo ini adalah Indonesia, Singapura, United Kingdom, Morocco dan Arab Saudi.

11. USAHA PROMOSI

- *Mega FAM Trip* bersama agen-agen tempatan dan luar negara utk pembangunan pakej PIIACUF 2016 dan LAMPU 2016 dan promosi dan jualan pakej bagi tahun hadapan

- Program promosi bersama Bas Hop On Hop Off (HOHO) yang akan bergerak ke Kuala Lumpur, Bangi, Seremban dan Melaka.
- Hebahan PIIACUF & LAMPU melalui *TM Overseas offices*
- Pembangunan Pakej Khas PIIACUF 2015 & LAMPU 2015 bersama Tourism Malaysia dan agensi-agensi pelancongan *inbound* dan domestik. Fokus pasaran ASEAN
- *Publicity* melalui saluran Tourism Malaysia (akhbar, majalah, media sosial, website, *digital bunting* dll)
- Media Sosial saluran Perbadanan Putrajaya dan saluran media tradisional
- Program Instameet oleh Perbadanan Putrajaya iaitu pengumpulan lebih daripada 50 orang instagrammers untuk membuat promosi dan liputan festival festival
- Bas wrap, billboard, bunting, banner di KL, Putrajaya dan kawasan sekitar
- Promo video di bilik-bilik hotel dan lobi-lobi.